

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 22 JULAI 2017 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kes disebut semula 18 Ogos ini	Utusan Malaysia

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 32**  
**TARIKH : 22 JULAI 2017 (SABTU)**

**KERATAN  
Utusan  
Malaysia  
12 Jun 2017.**

**8 MAUT  
TERMASUK  
6 RENTUNG**

KEADAAN Proton Exora dan Perodua Myvi yang hangus terbakar di bawah sebuah lori treler dalam naik membabitkan empat kenderaan di Kilometer 25, Jalan Bahau-Keratong, Jempol, Negeri Sembilan, semalam. Lapan orang maut termasuk enam daripadanya rentung dalam kejadian itu. (Gambar kecil) Anggota bomba dan penyelamat mengeluarkan mangsa yang tersebut. [BEBITA DI MUKA - 4]



# Kes disebut semula 18 Ogos ini

**JEMPOL 21 Julai** - Seorang pemandu treler sempat melemparkan senyuman selepas selesai sebutan kes terhadapnya hari ini di Mahkamah Majistret Bahau dekat sini atas tuduhan memandu secara berbahaya sehingga terlibat dalam kemalangan yang mengorbankan lapan individu termasuk enam sekeluarga yang rentung, Jun lalu.

Norzailan Omar, 44, yang belum diwakili peguam bela kelihatan tersenyum sambil menutup mulutnya apabila gambarnya dirakam kira-kira pukul 9.45 pagi.

Ketika prosiding, Majistret Mohamad Redza Azhar Rezali menetapkan 18 Ogos ini untuk sebutan semula kes selepas Timbalan Pendakwa Raya, Wan Ahmad Hijrah Wan Abdullah memaklumkan laporan kes itu masih belum lengkap.

Di luar mahkamah, Wan Ahmad Hijrah memberitahu pemberita, pihaknya masih menunggu laporan penuh daripada **Jabatan Kimia**, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Pada 15 Jun lalu, tertuduh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Jelebu mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan



**NORZAILAN OMAR**

denda maksimum RM20,000.

Mengikut pertuduhan, Norzailan didakwa memandu treler secara berbahaya tanpa mengambil perhatian tentang segala hal keadaan termasuk jenis, keadaan, saiz jalan dan kesesakan lalu lintas di jalan raya yang boleh dijangkakan atau mungkin ada di jalan itu sehingga menyebabkan lapan kematian di Kilometer 25 Jalan Bahau-Keratong, Jempol pada pukul 2.20 petang, 11 Jun lalu.

Mereka yang rentung ialah Wan Mohd. Fauzi Wan Ibrahim, 51; isterinya, Masnoraida M. Yusoff, 45, dan empat anak mereka, Wan Mohd. Muhammin, 22, Wan Nur Athirah, 18, Wan Muhammad Ammar Haziq, 13, dan Wan Nur Aleesya, 7.

Mangsa lain yang maut ialah pasangan suami isteri, Osman Mohamed Taip, 31, dan Rosniza Othman, 32.